



Ratusan penyokong Najib berhimpun di pekarangan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur kelmarin sekali gus mencetuskan kebimbangan penularan jangkitan Covid-19 dan pelanggaran SOP.

m/s: 6

Ingkar arahan SOP, polis panggil penganjur himpunan sokong Najib

Sinar Harian - 30/7/2020

KUALA LUMPUR - Polis akan memanggil penganjur yang terlibat dalam perarakan menyokong Datuk Seri Najib Tun Razak di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur kelmarin selepas dikatakan ingkar arahan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mazlan Mansor berkata, pihaknya telah bertemu dengan individu yang bertanggungjawab membawa rombongan terbabit seminggu sebelum kejadian untuk memberitahu tentang suasana PKPP khususnya dalam penagaan jarak dan sebagainya.

Menurutnya, perkara itu disampaikan kepada penganjur dan beliau percaya masyarakat yang waras tahu mengenai pandemik koronavirus (Covid-19) masih menular.

“Ini macam pecah amanah... dia sudah janji. Kita akan panggil individu itu dari masa ke masa.

“Sebelum ini, kita benarkan mereka datang, tapi jagalah SOP. Kita sudah bagi nasihat supaya jaga jarak.

“Namun begitu, arahan itu tidak diendahkan dan satu laporan polis kita terima daripada orang awam,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul di sini semalam.

Beliau berkata, siasatan termasuk di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012 dan Akta 342.

Kelmarin, Najib menjadi bekas Perdana Menteri yang pertama disabitkan kesalahan atas tujuh pertuduhan penyelewengan dana syarikat SRC International Sdn Bhd berjumlah RM42 juta.